

NO. SOALAN: 48

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN :

Datuk Wira Haji Ahmad Bin Hamzah [Jasin] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) langkah meningkatkan pegangan aset Bumiputera di bandar-bandar; dan
- (b) setujukah Kementerian dengan kritikan bahawa di sebalik bilangan agensi kerajaan berkaitan Bumiputera yang besar, kewujudannya masih belum berhasil meningkatkan penguasaan dan pegangan aset bumiputera di bandar-bandar.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi meningkatkan pegangan aset Bumiputera di bandar-bandar seperti berikut:

- (i) menubuhkan Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) pada tahun 2009 yang bertujuan untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam aktiviti perdagangan dan perniagaan di lokasi strategik, terutamanya di kawasan bandar. Sehingga akhir tahun 2013, PHB telah membuat pelaburan sebanyak RM3.2 bilion melalui pembelian bangunan dan projek pembangunan harta tanah, antaranya seperti berikut (senarai dan nilai pelaburan PHB seperti di lampiran):
- CP Tower, Seksyen 16, Petaling Jaya, Selangor;
 - Menara Prisma, Presint 3, Putrajaya;
 - Menara BT, Bangsar South, Kuala Lumpur; dan
 - Lot G, Sentral Kuala Lumpur.

Selain itu, PHB juga telah melancarkan Amanah Hartanah Bumiputera (AHB) pada 29 November 2010 untuk berkongsi kekayaan hasil daripada pengumpulan harta tanah oleh PHB dengan Bumiputera. AHB merupakan dana amanah patuh Syariah dan bersandarkan harta tanah untuk membolehkan pelabur Bumiputera mengambil bahagian dalam pemilikan benefisial harta tanah dengan pelaburan serendah RM500 sehingga RM400,000.00.

- (ii) memperkuatkan peranan agensi amanah Bumiputera antaranya seperti UDA Holdings Berhad, Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) untuk meningkatkan pemilikan harta tanah oleh Bumiputera, khususnya harta tanah bernilai komersil.
- (b) Usaha Kerajaan melalui agensi-agensi pelaksana seperti PHB, UDA Holdings Berhad, MARA dan PUNB telah berjaya meningkatkan pegangan dan penguasaan aset harta tanah Bumiputera, termasuk di bandar-bandar. Kejayaan ini ditunjukkan berdasarkan jadual di bawah iaitu maklumat daripada Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) bagi tempoh 2009 sehingga 2012. Data ini menunjukkan terdapat peningkatan pemilikan harta tanah Bumiputera seperti berikut:

Bilangan dan Nilai Transaksi Harta Tanah Bumiputera
Tahun 2009 dan 2012

Jenis Bangunan	2009		2012	
	Bilangan transaksi	RM bilion	Bilangan transaksi	RM bilion
Kediaman	79,036 (37.3%)	11.4 (27.2%)	99,025 (36.3%)	17.7 (26.1%)
Komersil	2,979 (8.94%)	1.0 (5.84%)	3,224 (7.85%)	1.5 (5.38%)
Industri	199 (2.47%)	0.1 (1.04%)	237 (2.37%)	0.1 (0.85%)

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)

Walaupun data ini menunjukkan nilai dan bilangan transaksi harta tanah Bumiputera telah meningkat, ianya masih rendah dari segi peratus berbanding nilai dan bilangan transaksi harta tanah bukan Bumiputera. Justeru, usaha bagi meningkatkan pemilikan kekayaan Bumiputera akan diteruskan melalui pelaksanaan agenda Pemeriksaan Ekonomi Bumiputera (PEB).

Sekian. Terima kasih.